25/0598

ڤجابت داءيره دان تانه.
PEJABAT DAERAH DAN TANAH,
DAERAH KECIL PENGKALAN HULU,
33100 PENGKALAN HULU,
PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon : 04-477 8224 (Pejabat Am)
04-477 0073 (Pejabat Am)
Faks : 04-477 8458
Website : http://pdtpengkalanhulu.perak.gov.my

*Ruj. Tuan :*

*Ruj. Kami :* Bil.(4)dlm.PTPH.8/2025

7 Rabiulakhir 1447
29 September 2025

Pengurus Koridor Negeri
Koridor Utiliti Darul Ridzuan
B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
**30450 IPOH.**

RECEIVED
03 OCT 2025
KORIDOR UTILITI
DARUL RIDZUAN

Tuan,

**PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN IZIN LALU AEE7033 – SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN SABAN.**

**- PERMOHONAN ULASAN TEKNIKAL**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat tuan bertarikh 18 Julai 2025 adalah berkaitan.

2. Pentadbiran ini telah menjalankan lawatan ke atas tapak yang dimaksudkan dan mendapati hampir keseluruhan kawasan yang dimaksudkan adalah berada di atas rizab jalan dan sebahagian kecil laluan melibatkan tanah milik iaitu PT 3791, Lot 1862 dan Lot 724, Mukim Pengkalan Hulu, Daerah Hulu Perak.

3. Hasil semakan mendapati pelan yang dikemukakan tidak mengikut ukuran sebenar dan tidak dijalankan pengukuran di lapangan. Bagi mengelakkan sebarang kesulitan, disyorkan supaya dijalankan pengukuran di lapangan bagi menentukan kedudukan sebenar laluan yang akan digunakan.

4. Walau bagaimanapun, berdasarkan pelan yang dikemukakan, bagi laluan yang melibatkan rizab jalan, pentadbiran ini tiada halangan terhadap permohonan tersebut namun tertakluk kepada ulasan dan syarat dari jabatan teknikal yang berkaitan.

..2-

5. Bagi laluan yang melibatkan tanah milik iaitu PT 3791, Lot 1862 dan Lot 724, pihak tuan perlu mendapatkan kebenaran daripada pemilik-pemilik tanah tersebut.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD SUFFIAN SURI BIN AHAMAD REDZUAN)**
Penolong Pegawai Tanah
Pengkalan Hulu.

**"PERAK SEJAHTERA 2030"**

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD
TINDAKAN / MAKLUMAN

| | |
|---|---|
| ☐ | KETUA OPERASI |
| ☐ | PENGURUS SUMBER MANUSIA |
| ☐ | KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN |
| ☑ | PENGURUS KORIDOR NEGERI |
| ☐ | PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN |
| CATATAN | |

3/10/2023

3/10